



MAJLIS DAERAH TANGKAK
JALAN SIALANG, 84900 TANGKAK, JOHOR DARUL TA'ZIM

NOTIS PENGOPERASIAN PREMIS PERNIAGAAN
(PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN)

KEPADA : SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN / PEMEGANG LESEN / PEMEGANG PERMIT DAN ORANG AWAM DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH TANGKAK
TARIKH : 21 NOVEMBER 2020

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa Kerajaan telah mengisytiharkan PKPB di Negeri Johor ditamatkan pada 21 November 2020 kecuali daerah Kota Tinggi dan Mersing. Selanjutnya, **PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)** dengan ini berkuatkuasa mulai **21 NOVEMBER 2020 sehingga 31 DISEMBER 2020 atau selagi tempoh PKPP berkuatkuasa.**

Sehubungan dengan itu, MDT bertindak menyesuaikan pelaksanaan arahan ini mengikut lokaliti di dalam kawasan pentadbiran Majlis. Hampir semua aktiviti ekonomi dan perniagaan akan dibenarkan beroperasi dengan pematuhan sepenuhnya kepada SOP mengikut waktu had operasi sebagaimana ditetapkan berikut:-

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU BEROPERASI
1	Fasiliti dan Perkhidmatan KKM / Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta / Kedai Farmasi / Fasiliti Perubatan Tradisional dan Komplimentari / Pusat Jagaan / Pusat Fisioterapi / Rehabilitasi / Dialisis / Pusat Optometri / Makmal Perubatan	
2	Stesen Minyak / Kedai Serbaneka Dalam Stesen Minyak / Pengangkutan Awam / Kaunter Tiket Bas	
3	Perbankan / Ejen Perbankan / Insurans / Takaful / Pinjaman Wang Berlesen / Pejabat Guaman / Pejabat Urusan / Perpustakaan / Mesin ATM	
4	Kedai Perabot / Kedai Emas / Kedai Elektrik & Elektronik / Kedai Buku & Alatulis / Kedai Cermin Mata & Alat Optik / Kedai Hardware termasuk D.I.Y. / Bengkel Kenderaan, Penyelenggaraan & Alat Ganti / Kedai Tayar / Kedai Aksesori Kenderaan / Makanan Haiwan / Kedai Baja / Racun / Peralatan Pertanian / Alat Ganti Jentera dan Mesin / Kedai Telekomunikasi / Kedai Jam / Kedai Perubatan Tradisional / Kedai Produk Kesihatan / Kedai Cuci Kereta / Kedai Menjual Kereta / Kedai Menjual Motor / Kedai Cuci Kereta / Kedai Menjual Kain dan Langsir / Kedai Dobi / Butik / Kedai Pakaian dan aksesori fesyen / Kedai Pakaian Seragam / Kuari & Perlombongan / Kedai Bahan Binaan / Kedai Jubin Lantai / Kedai Pajak Gadai / Kedai Ar Rahn / Hotel / Rumah Penginapan	<p style="text-align: center;">Seperti Biasa</p> <ul style="list-style-type: none">Langkah Pencegahan Penularan COVID-19 merujuk SOP MKNInfo lanjut sila layari https://www.mkn.gov.my
5	Pusat Peranginan / Hutan Rekreasi / Air Terjun termasuk kolam renang	
6	Aktiviti berkaitan dengan pembelajaran / pendidikan / Pusat Perkembangan Minda / Pusat Tuisyen / Institut Pengajian Tinggi Awam & Swasta, Institut Latihan Kemahiran, pusat tahfiz, taska dan pusat jagaan kanak-kanak	
7	Kompleks Membeli Belah (tertakluk pengurusan bangunan) / Pasaraya / Departmental Store / Penjagaan Diri / Kedai Runcit	
8	Pasar Awam / Pasar Persendirian	6.00 Pagi – 2.00 Petang
9	Pasar Tani (Dengan Kehadiran dan Pemantauan Anggota Rela)	6.00 Pagi – 12.00 Tengahari
10	Pasar Malam Yang Dibenarkan Oleh MDT (Dengan Kehadiran dan Pemantauan Anggota Rela)	4.00 Petang – 10.00 Malam
11	Sektor Kedai Gunting Rambut, Hair Dresser dan Salun Kecantikan kecuali aktiviti korek telinga, Gunting Bulu Hidung, Urut Kepala, Bahu dan Badan di premis TIDAK DIBENARKAN	Beroperasi seperti biasa sehingga 12.00 t/malam
12	SPA, Wellness, Pusat Urut Kaki dan Refleksologi kecuali Perkhidmatan melebihi 3 jam, Acara SPA Berkumpulan dan Scrub Badan TIDAK DIBENARKAN	Beroperasi seperti biasa sehingga 12.00 t/malam
13	Pusat Hiburan Keluarga, Arked Permainan, Permainan Gym, Peralatan Mesin & Hiburan Teknologi, Karaoke Keluarga dan Pentas kecuali aktiviti bersentuhan, Karaoke Kubikel dan Perhimpunan Sukar Dikawal TIDAK DIBENARKAN	Beroperasi seperti biasa sehingga 12.00 t/malam
14	Kedai Makanan & Minuman / Restoran / Warung / Restoran Makanan Segera / Kedai Serbaneka / Mini Mart / Penjaja Tepi Jalan / Penjaja Beredar / Food Truck / Pusat Penjaja / Medan Selera / Gerai MILIK MDT	Beroperasi seperti biasa sehingga 2.00 pagi

JENIS AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI		
BIL	JENIS PERNIAGAAN	ULASAN
1	Aktiviti dan pertandingan sukan dengan kehadiran penonton, melibatkan peserta dari luar negara memasuki Malaysia	Tidak Dibenarkan
2	Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia kecuali pelancong asing daripada negara sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri	Tidak Dibenarkan
3	Aktiviti dalam pub dan kelab malam kecuali perniagaan restoran di dalam pub dan kelab malam	Tidak Dibenarkan
4	Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan SOP	Tidak Dibenarkan

Peringatan tentang Pelaksanaan Langkah-langkah Pencegahan Penularan Wabak Penyakit:

- i Semua pemilik/pengusaha premis diminta mengikuti **Langkah-langkah Kerja Pembersihan (Disinfeksi)** menggunakan cecair pencuci dengan kandungan sodium hypochlorite yang selaras dengan tatacara yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada mana-mana permukaan yang bersentuhan serta alatan yang diguna sama oleh orang ramai terutamanya troli, bakul barangan, tombol pintu, kaunter bayaran, eskalator, nozzle pump, dan sebagainya **secara kerap atau sebaik-baiknya pada setiap kali digunakan.**
- ii Pemilik/pengusaha **MESTILAH** menyediakan pensanitasi tangan (hand sanitiser) berasas alkohol atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun untuk kegunaan pekerja/pelanggan serta penyediaan termometer bagi mengukur suhu badan pelanggan (**maksima 37.5 °C**) sebelum memasuki premis (**Mengikut pada kesesuaian jenis aktiviti serta SOP yang dikeluarkan oleh MKN**)
- iii. Memantau jarak selamat (1 meter atau lebih) antara satu dengan yang lain sama ada dalam kalangan pengunjung mahupun pekerja di kawasan premis.
- iv. Melaksanakan langkah-langkah pencegahan penularan wabak penyakit lain yang sesuai mengikut panduan dan saranan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa.
- v. Kegagalan mematuhi arahan akan dikenakan tindakan undang-undang dibawah Akta Kawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta342) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Pengusaha premis perniagaan diminta mematuhi arahan ini **BERMULA 21 NOVEMBER 2020** sehingga **31 DISEMBER 2020** atau selagi tempoh PKPP berkuatkuasa selaras dengan peruntukan kepada kuasa **Majlis Daerah Tangkak** di bawah **Seksyen 72(1)(f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).**

Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari masa ke semasa dan akan dipinda jika ada arahan selanjutnya dari pihak Kerajaan Negeri. Kerjasama dan tindakan tuan/puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Dengan Arahan;

**Yang DiPertua
Majlis Daerah Tangkak**